

0357

R 0358 BAH

MAHATHIR-INDUSTRI

SIAM ALAM, 12 SEPT (DERMAHA). -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESE PARA JURUTERA TEMPATAN YANG BERPENGALAMAN LUAS DALAM BIDANG PEMBUATAN KOMPONEN ELEKTRONIK SUPAYA MENBUKA KILANG ELEKTRONIK SENDIRI BERSAMA DENGAN PEMODAL-PEMODAL DALAM NEGERI.

KATANYA, INDUSTRI ELEKTRONIK MERUPAKAN INDUSTRI YANG PALING PESAT MENGALAMI KEMAJUAN KINI.

PERTUMBUHANNYA PADA SUKU PERTAMA TAHUN INI ADALAH PALING TINGGI, BUKAN SAHAJA DI KALANGAN INDUSTRI-INDUSTRI SEKTOR PEMBUATAN BAHKAN BAGI SEMUA INDUSTRI DI NEGARA INI DENGAN EKSPORT KOMPONEN ELEKTRONIK KELEDIHI SATU PERTIGA JUMLAH EKSPORT PERKILANGAN, KATANYA SENASA BERUCAP MERASMIKAN KILANG WAKO ELECTRONICS (M) Sdn Bhd DI SINI.

BAGAIMANAMA, KATANYA, PELABURAN DALAM INDUSTRI ITU DIKUASAI OLEH MODAL DAN PENGURUSAN LUAR NEGERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP PENGUSAHA-PENGUSAHA TEMPATAN CUBA MENGADAKAN USAHASAMA DENGAN PELABUR-PELABUR LUAR NEGERI DALAM INDUSTRI BERKEMANA. --LAGI

15470ST 12 09 88

0360

R 0359 BAH

MAHATHIR-INDUSTRI 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, NEGARA-MEGARA SEPERTI KOREA SELATAN, TAIWAN DAN HONG KONG TELAHUPUN BERKEUPAYAAN MENGELUARKAN MICROCHIPS SENDIRI DAN TIADA SEBAG MENGAPA MALAYSIA TIDAK BOLEH MENGELUARKAN BARANGAN TERSEBUT.

BELIAU MEMBERI JAMINAN KERAJAAN AKAN MEMBERI SEBARANG BANTUAN YANG DIFIKIRKAN WAJIB KEPADA PENGUSAHA-PENGUSAHA BERKEMANA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGINGATKAN PARA PENGURUS DAN PEKERJA TEMPATAN YANG BEKERJA DI SYARIKAT ASING SEPERTI WAKO ELECTRONICS ITU, MENGENAI PERSAINGAN HEBAT ANTARA MEGARA-MEGARA DALAM USAHA MENARIK PELABURAN ASING.

+DI SAMPING KERAJAAN MENYEDIAKAN PELBAGAI INSENTIF DAN KEMUDAHAN LAIN UNTUK MENARIK PELABURAN ASING, PARA PENGURUS DAN PEKERJA TEMPATAN KEMPUNYAI PERAMAN YANG BERMAKNA BAGI MENARIK HEREKA KE MEGARA INI,+ KATANYA.

BELIAU MAHUKAN HEREKA SUPAYA RAJIN BEKERJA UNTUK MEMASTIKAN PRODUKTIVITI HEREKA DI TAHAP YANG TINGGI KERANA DENGAN CARA ITU PARA PELABUR AKAN MEMBANTU MEMUJUDKAN LEBIH BANYAK PELUANG PEKERJAAN BAGI HEREKA YANG NASIH MENSANGGUR DAN PELUANG MAIK PANGKAT BAGI YANG SUDAH BEKERJA. -- LAGI

15540ST 12 09 88

0564

R 0360 BAH

MAHATHIR-INDUSTRI 3 SHAH ALAM

PERDANA MENTERI BERKATA PERTUKARAN HALA INDUSTRIALISASI MALAYSIA KEPADA BARANGAN EKSPORT ADALAH JEPAT KERANA NEGARA PERLU MENINGKATKAN EKSPORT UNTUK MENGIKHLANGI IMPORT YANG SEMAKIN MENINGKAT.

MENURUTNYA PADA TAHUN LEPAS EKSPORT BARANGAN PERKILANGAN YANG MENGGAMBARAKAN KESAN INDUSTRIALISASI NEGARA ITU, TELAH MENINGKAT SEHINGGA KIRA-KIRA 45 PERATUS DARIPADA JUMLAH EKSPORT NEGARA.

KATANYA LANGKAH KERAJAAN MEMBERI PENEKANAN KEPADA INDUSTRIALISASI MEMBANA MANFAAT YANG SANGAT BERMAKNA KEPADA EKONOMI NEGARA.

+JIKA DULU SEKTOR PERTANIAN, PERHUTANAN DAN PERIKANAN MENJADI TULANG DELAKANG EKSPORT DAN KELUARAN DALAM NEGARA KASAR (KONK) KINI SEKTOR PERKILANGAN MERUPAKAN SEKTOR TERBESAR DARI SEGI JUMLAH NILAI EKSPORT DAN KONK NEGARA+

BELIAU BERKATA SEKIRANYA MALAYSIA TERAGAK-AGAK MELAKSANAKAN DASAR INDUSTRIALISASI, KEMUNGKINAN BESAR NEGARA MASIH LAGI BERGANTUNG KEPADA NAIK-TURUN PERMINTAAN PASARAN ANTARABANGSA TERHADAP BARANGAN UTAMA NEGARA. - LAGI
160105T 12 07 88

MAHATHIR-INDUSTRI 4 SHAH ALAM

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN SEMENTARA MALAYSIA TIDAK HARUS MEMBELAKANGKAN PERANAN PERTANIAN, NEGARA PERLU MEMINGKATKAN LAGI KEGIATAN PERKILANGAN UNTUK MENGINBANGKAN KETIDAKSTABILAN HARGA BARANGAN UTAMA.

KATANYA, DI SAMPING ITU KERAJAAN MENYEDARI BAHAWA ASAS INDUSTRI PERKILANGAN NEGARA TIDAK LUAS OLEH ITU KERAJAAN AKAN TERUS MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN PELDAGAI INDUSTRI LAIN YANG BELUM HUJUD ATAU BELUM BERKEMBANG SELAIN DARIPADA INDUSTRI ELEKTRONIK DAN TEKSTIL YANG MENGHASILKAN KIRA-KIRA 65 PERATUS DARIPADA JUMLAH EKSPORT BARANGAN PERKILANGAN NEGARA.

BELIAU BERHARAP PELABURAN DALAM INDUSTRI ELEKTRONIK DI NEGARA INI AKAN MENBERI PEMEKAMAN KEPADA PENGGUNAAN BAHAN TEMPATAN DAN MEMPERTINGKATKAN KELUARAN LAIN DARIPADA SEMIKONDUKTOR.

PERDANA MENTERI BANGSA DENGAN PELABURAN YANG DILAKSANAKAN OLEH WAKO ELECTRONICS KERANA NEGARA MENYEDARI KESTABILAN POLITIK DAN EKONOMI NEGARA MERUPAKAN FAKTOR PERTIMBANGAN YANG PENTING KEPADA PELABUR-PELABUR ASING.

KATANYA KEADAAN EKONOMI NEGARA YANG SEMAKIN KUKUH DAPAT DILIHAT DARIPADA PERTUMBUHAN KDNK SEBANYAK 9 PERATUS BAGI TEMPOH ENAM BULAN PERTAMA TAHUN INI YANG MENYAMAI KEADAAN MEWAH PADA TAHUN-TAHUN 70AN DAN AWAL 80AN. - LAGI

1622HST 12 09 88

0975

R 0363 BAH

MAHATHIR-INDUSTRI 5 SHAH ALAM

KILANG WAKO ELECTRONICS YANG TERLETAK DI KAWASAN PERINDUSTRIAN BERAT DI SINI, MENGELUARKAN KOMPONEN-KOMPONEN ELEKTRONIK DENGAN MODAL DERBAYAR SEBANYAK \$9.5 JUTA.

KILANG KEPUNYAAN PELABUR JEPUN ITU MEMPUNYAI 300 KAKITANGAN YANG KEBANYAKANNYA RAKYAT TEMPATAN YANG TELAH MENDAPAT LATIHAN DI JEPUN.

MENURUT PRESIDENNYA YOSUKE YOSHIOKO, RANCANGAN UNTUK MENGADAKAN USAHASANA KILANG TERSEBUT DIBUAT SETELAH DATUK SERI DR MAHATHIR MELANAT PUSAT SYARIKAT BERKEMAAN DI BANDAR KASAOKA JEPUN PADA BULAN MEI TAHUN LEPAS.

KATANYA, BELIAU AKAN BERUSAHA MEYAKINKAN PARA PELABUR JEPUN YANG LAIN SUPAYA MEMILIH MALAYSIA SEBAGAI TEMPAT PELABURAN KERANA KEADAAN NEGARA YANG STABIL DAN MEMPUNYAI POLISI PELABURAN YANG MENGUNTUNGAN KUKUH. --BERNAMA

1625HST 12 09 88

0976